



APPGM-SDG



PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

Laporan Cadangan Dasar
Peringkat Parlimen APPGM-SDG Tahun 2026

MEMPERKUKUH PERANAN PENTING PETANI SKALA KECIL UNTUK MEMBINA KETERJAMINAN MAKANAN DAN MAKANAN SELAMAT DEMI KESIHATAN NEGARA



**Laporan Cadangan Dasar
Peringkat Parlimen APPGM-SDG Tahun 2026**

**Memperkukuh Peranan Petani
Skala Kecil dalam Membina
Keterjaminan Makanan dan
Makanan Selamat demi
Kesihatan Negara**

Jabatan Advokasi Dasar APPGM-SDG

Diterbitkan oleh:

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8,
46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

© 2026 Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan, atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara, termasuk fotokopi, rakaman, atau kaedah elektronik atau mekanikal yang lain, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit, kecuali bagi petikan ringkas yang terkandung dalam ulasan kritikal dan kegunaan bukan komersial tertentu yang lain yang dibenarkan oleh undang-undang hak cipta.

Penafian: Pandangan dan pendapat yang dinyatakan dalam penerbitan ini adalah milik pengarang dan tidak semestinya mencerminkan dasar atau pendirian rasmi pihak penerbit.

ISBN: 978-629-7752-41-9

Penulis : Kon Onn Sein & Dr. Teo Sue Ann
Editor : Dr. Teo Sue Ann

Senarai Kehadiran

AHLI PARLIMEN		
Bil.	Nama	Kawasan Parlimen
1	YB Senator Tuan Isaiah D.Jacob	Ahli Dewan Negara
2	YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin Abas	P154 Mersing
3	YB Tuan Sim Tze Tzin	P052 Bayan Baru
4	YB Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff	P023 Rantau Panjang
5	YB Tuan Rushdan Rusmi	P001 Padang Besar
6	YB Dr Hajah Halimah Ali	P109 Kapar
7	YB Dato' Hajah Mumtaz Md Nawī	P019 Tumpat
8	YB Tuan Haji Muhammad Fawwaz Mohamad Jan	P044 Permatang Pauh
9	YB Dr. Ahmad Fakhruddin Fakhrurazi	P010 Kuala Kedah
10	YB Tuan Haji Onn Abu Bakar	P150 Batu Pahat
11	YB Dato' Hajah Hanifah Hajar Taib	P213 Mukah

KEMENTERIAN/JABATAN	
Bil.	Nama
1	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) <ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Sumber Manusia • Jabatan Pertanian (DOA) • Jabatan Perikanan (DOF) • Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) • Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
2	Kementerian Pengangkutan (MOT)
3	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)

KEMENTERIAN/JABATAN	
Bil.	Nama
4	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
5	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

MALAYSIAN CSO-SDG ALLIANCE DAN LAIN-LAIN	
Bil.	Nama
1	Universiti Malaya (UM)

Isi Kandungan

Ringkasan Eksekutif	I
Sorotan Cadangan	III
Infografik	VI
Pengenalan	1
Matlamat Pembangunan Mampan dan Sasaran Boleh Dicapai	4
Proses Penyediaan Laporan Cadangan Dasar	10
Pemetaan Isu Berkaitan dengan Keterjaminan Makanan	10
Perbincangan Meja Bulat bersama Ahli Parlimen dan Wakil Kementerian Berkaitan	13
Dasar Nasional demi Keterjaminan Makanan	27
Matlamat Utama Keterjaminan Makanan dalam Rancangan Malaysia Ke-13	30
Cadangan Strategi Dasar	33
Kerjasama Pihak Berkepentingan dalam Pelaksanaan Cadangan	37
Halatuju Jangka Masa Panjang	38
Kesimpulan	41
Bibliografi	42

Ringkasan Eksekutif

Menjamin keterjaminan makanan merupakan aspek penting bagi menyokong pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Laporan dasar ini membincangkan langkah-langkah strategik yang diperlukan untuk memajukan sektor pertanian yang mampan, khususnya melibatkan tanaman kontan dan petani skala kecil. Laporan dasar ini turut berasaskan dapatan pemetaan isu oleh APPGM-SDG serta pelbagai sesi perbincangan bersama Ahli Parlimen dan wakil kerajaan di peringkat daerah, negeri dan Persekutuan. APPGM-SDG telah menjalankan pemetaan isu di 143 kawasan Parlimen bagi tempoh 2020-2025, dan daripada jumlah tersebut, 92 kawasan dikenal pasti mempunyai isu berkaitan sektor pertanian.

Pada masa ini, Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) merupakan antara rangka dasar utama berkaitan keterjaminan makanan di Malaysia yang mempunyai objektif dan strategi yang selari dengan Rancangan Malaysia ke-13. Rangka dasar ini penting dalam usaha membangunkan sektor agromakanan yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi bagi memacu pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan keterjaminan makanan dan nutrisi. Selain itu, rangka ini juga penting kerana ia menggariskan pendekatan menyeluruh yang merangkumi dimensi sosial, ekonomi, alam sekitar dan tadbir urus yang berkesan demi memastikan kemampuan keterjaminan makanan.

Sehubungan itu, laporan ini mencadangkan satu pelan tindakan bagi menjamin keterjaminan makanan yang mampan di Malaysia. Penyelarasan dasar melalui kerjasama pelbagai pihak berkepentingan amat diperlukan bagi mencapai matlamat tersebut. Dengan sokongan dan kerjasama berterusan pelbagai pihak, agenda keterjaminan makanan Malaysia dapat diperkukuh secara menyeluruh.

Sorotan Cadangan

Berdasarkan kajian APPGM-SDG, pemetaan isu telah dijalankan di 143 kawasan Parlimen bagi tempoh 2020-2025, dan daripada jumlah tersebut, 92 kawasan telah dikenal pasti mempunyai isu berkaitan keterjaminan makanan, khususnya dalam sektor pertanian yang dihadapi oleh para petani. Isu yang dikenal pasti bagi tempoh 2020-2023 didapati masih berterusan dalam sebahagian komuniti petani berdasarkan dapatan pemetaan isu bagi 2024-2025. Seterusnya, dapatan pemetaan isu ini telah dibincangkan bersama pelbagai pihak berkepentingan, termasuk Ahli Parlimen, kementerian, pakar bidang, penyelidik serta pertubuhan masyarakat sivil.

Bagi memastikan keterjaminan makanan negara dapat dicapai seperti yang digariskan oleh Rancangan Malaysia ke-13, penyelarasan dasar melalui kerjasama pelbagai pihak berkepentingan amat diperlukan. Ini termasuk penglibatan Ahli Parlimen, pegawai agensi kerajaan peringkat negeri dan Persekutuan, serta petani skala kecil yang terlibat secara langsung dalam sektor pertanian. Sehubungan itu, laporan dasar ini mengemukakan beberapa pelan tindakan yang berpotensi membantu sektor pertanian, khususnya petani skala kecil:

1. Menjamin proses penentuan harga lantai yang telus oleh agensi kerajaan yang terlibat kepada para petani skala kecil. Ketelusan dalam proses penentuan harga lantai akan membolehkan para petani

memahami faktor penentuan harga rantai yang berpatutan dan ini secara langsungnya akan menjadi pemangkin kepada jalinan kerjasama dan kesefahaman yang lebih erat di antara pihak agensi kerajaan, orang tengah dan para petani skala kecil. Kerjasama dan kesefahaman ini adalah asas kepada penggubalan dan pelaksanaan dasar pertanian secara lebih berkesan, terutamanya dalam menjamin kelestarian rantai penghasilan makanan yang selamat, berkhasiat dan mampu milik oleh masyarakat tempatan.

2. Mempermudah proses pensijilan myGAP dan myOrganik, serta mempercepat proses berkaitan yang bersesuaian.
3. Memperkukuh Program Rakan Pemasar Kontrak Pemasaran (RPKP) dengan menambah insentif kewangan kepada petani yang memperoleh pensijilan myGAP dan myOrganik. Pensijilan ini melibatkan pelbagai agensi seperti FAMA, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, BERNAS dan Lembaga Pertubuhan Peladang. Oleh itu, cadangan ini menekankan kepentingan kerjasama antara pihak berkepentingan di peringkat tempatan, negeri dan Persekutuan.
4. Jabatan Pertanian boleh menyediakan latihan awal dan infrastruktur yang diperlukan. Jabatan ini juga boleh bekerjasama dengan organisasi masyarakat sivil (CSO) atau persatuan pertanian yang mempunyai pengalaman dalam amalan pertanian regeneratif, selamat atau organik bagi menyokong proses

bimbingan dan membantu petani memenuhi piawaian pensijilan.

5. Kerjasama dengan pejabat daerah untuk mempermudah petani-petani kecil untuk mendapat lesen sementara penggunaan tanah untuk penanaman mereka dan membolehkan mereka mendapat sijil myGAP dan myOrganik.
6. Setelah petani memperoleh pensijilan, dicadangkan supaya FAMA memberi sokongan untuk menghubungkan petani-petani kecil dengan pasaran tempatan seperti pasar pagi/petang atau kedai dan peniaga tempatan yang boleh menyerap hasil penanaman mereka yang dijamin selamat dan berkualiti. Jabatan Pertanian juga boleh memberi sokongan kepada petani-petani ini dengan memperkasakan fasiliti pengumpulan dan penyimpanan bergerak ke lebih banyak lokasi. Ini adalah penting supaya petani-petani kecil dapat mengurangkan kos bukan sahaja dari segi penggunaan racun dan baja kimia, tetapi mereka juga boleh menjimatkan kos pengangkutan, buruh, sewa dan pembungkusan serta perantara. Sokongan pengantara pasaran boleh mengurangkan kos, meningkatkan keuntungan dan menyediakan hasil penanaman kepada penduduk tempatan pada harga yang mampu beli.

Memperkukuh Peranan Penting Petani Skala Kecil untuk Membina Keterjaminan Makanan dan Makanan Selamat demi Kesihatan Negara



KONTEKS



Asas pembangunan negara merangkumi bekalan makanan yang mencukupi, selamat, mampu milik dan mudah diakses oleh semua rakyat Malaysia



Tahap Sara Diri (SSL) sayur-sayuran di Malaysia hanya sekitar 47%



Memastikan rantaian bekalan yang adil demi menjamin para petani kecil memperoleh pendapatan yang wajar



Majoriti penanaman buah-buahan dikendalikan oleh pengeluar skala kecil (kurang 0.5 hektar), melibatkan 147,170 pengeluar pada tahun 2023

CABARAN UTAMA



Perubahan dan ketidakstabilan iklim menyebabkan penghasilan tanaman berkurang, tidak selamat dan mampu milik.



Pengurangan pengeluaran domestik dan peningkatan kebergantungan kepada import



Pendapatan petani kurang kerana tidak dapat menampung kos pertanian yang meningkat



Penggunaan bahan agrokimia yang banyak menyebabkan petani terpaksa meletakkan hasil pertanian sebagai kos rendah

CADANGAN



Menjamin proses penentuan harga rantai yang telus



Menambah insentif kewangan kepada petani-petani kecil



Menyediakan latihan awal dan infrastruktur yang diperlukan kepada petani-petani kecil



Menyediakan sokongan perantara antara petani kecil dengan pasaran tempatan



Memperudahkan dan mempercepat proses pensijilan myGAP dan myOrganic



Memperkasakan fasiliti pengumpulan dan penyimpanan bergerak ke lebih banyak lokasi

Memperkukuh Peranan Petani Skala Kecil dalam Membina Keterjaminan Makanan dan Makanan Selamat demi Kesihatan Negara

PENGENALAN

Keterjaminan makanan merupakan asas kepada pembangunan negara. Ia bukan sekadar memastikan bekalan makanan mencukupi, tetapi juga memastikan makanan yang selamat, berkhasiat, mampu milik dan boleh diakses oleh seluruh rakyat Malaysia. Keterjaminan makanan berkait rapat dengan kesihatan awam, ketahanan ekonomi, ketahanan iklim, pengurangan kemiskinan luar bandar dan inklusi sosial. Apabila keterjaminan makanan terjejas, pelbagai kesan lanjutan boleh berlaku seperti kekurangan zat makanan, corak pemakanan tidak sihat, migrasi luar bandar ke bandar, kehilangan pengetahuan pertanian tradisional dan kemerosotan alam sekitar.

Dalam laporan dasar ini, fokus diberikan kepada tanaman kontan dan kerentanan petani skala kecil. Laporan dasar ini berasaskan dapatan pemetaan isu APPGM-SDG serta pelbagai sesi perbincangan bersama Ahli Parlimen dan wakil kerajaan di peringkat daerah, negeri dan Persekutuan.

Antara cabaran utama yang dikenal pasti dalam kalangan petani kontan adalah harga ladang yang kurang meningkat dan kos input yang tinggi, pengurangan pengeluaran domestik, peningkatan kebergantungan kepada import,

serta penggunaan kimia secara berlebihan dan amalan penyimpanan yang kurang baik.

Perlu diperhatikan bahawa Tahap Sara Diri (SSL) bagi sayur-sayuran di Malaysia hanya sekitar 47% (*Food and Agriculture Organization of the United Nations 2024, Department of Statistics, Malaysia 2024*)¹. Hampir semua penanaman buah-buahan di Malaysia dijalankan oleh pengeluar skala kecil — hanya kira-kira 33% ladang buah dianggap bersaiz komersial, manakala majoritinya beroperasi pada keluasan kurang daripada 0.5 hektar. Pada tahun 2023, penggunaan tanah bagi penanaman buah-buahan adalah seluas 201,621 hektar, melibatkan 147,170 pengeluar (*Department of Agriculture Malaysia 2023, Malaysian Agricultural Research and Development Institute [MARDI] 2026*)².

Matlamat untuk memperkukuh keterjaminan makanan negara sentiasa menjadi fokus utama pembangunan lestari Malaysia. Oleh itu, pelbagai dasar telah dilaksanakan bagi memperkukuh keterjaminan makanan negara. Walau bagaimanapun, petani tanaman kontan masih berhadapan dengan beberapa cabaran dan kekangan berikut:

¹ Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO), "FAOSTAT: Food and Agriculture Data," FAOSTAT, 2024, <https://www.fao.org/faostat/en/> (accessed April 16, 2026). Department of Statistics Malaysia, Agriculture Statistics, Malaysia 2023, 2024, <https://www.dosm.gov.my> (accessed April 16, 2026).

² Department of Agriculture Malaysia, Agriculture Statistics of Malaysia 2023 (Putrajaya: Department of Agriculture Malaysia, 2023), <https://www.doa.gov.my/index/resources/akta/file/Agriculture%20Statistics%20Malaysia%202023.pdf> (accessed April 16, 2026).

- Tidak dapat menghasilkan makanan yang mencukupi, selamat dan mampu dimiliki kepada penduduk.
- Tidak memperoleh pendapatan yang mencukupi bagi menampung peningkatan kos pengeluaran.
- Gagal mengekalkan atau memulihkan kelestarian alam sekitar.
- Menghadapi penurunan hasil tanaman akibat perubahan iklim dan risiko pasaran.

Berdasarkan cabaran-cabaran ini, APPGM-SDG menggalakkan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan bagi mencari penyelesaian yang mampan serta memastikan tiada golongan yang ketinggalan. Tumpuan terhadap kelestarian sektor penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan amat penting dalam usaha mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) serta sasaran berkaitan seperti yang diuraikan berikut.

MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN DAN SASARAN BOLEH DICAPAI

SDG YANG BOLEH DICAPAI	SASARAN SDG YANG BOLEH DICAPAI	KETERANGAN
SDG 2 – Sifar Kelaparan	<p>Sasaran 2.1: Menghapuskan kebuluran serta memastikan akses kepada makanan yang selamat, berkhasiat dan mencukupi sepanjang tahun.</p> <p>Sasaran 2.3: Menggandakan produktiviti dan pendapatan pengeluar makanan skala kecil.</p> <p>Sasaran 2.4: Membangunkan sistem pengeluaran makanan yang mampan serta amalan pertanian yang berdaya tahan.</p>	Memperkuh rantai bekalan makanan secara langsung dengan penglibatan yang berkesan dengan petani-petani skala kecil.

SDG YANG BOLEH DICAPAI	SASARAN SDG YANG BOLEH DICAPAI	KETERANGAN
	<p>Sasaran 2.a: Meningkatkan pelaburan dalam infrastruktur luar bandar, penyelidikan pertanian dan perkhidmatan penyuluhan.</p>	
<p>SDG 3 — Kesihatan dan Kesejahteraan</p>	<p>Sasaran 3.9: Mengurangkan penyakit dan kematian akibat pendedahan kepada bahan kimia yang berbahaya serta pencemaran melalui penggunaan racun dan pengamalan kaedah yang lebih selamat.</p>	<p>Keterjaminan makanan perlu memberi penekanan yang lebih besar terhadap strategi mengurangkan penyakit tidak berjangkit (NCD). Oleh itu, APPGM-SDG mencadangkan strategi yang sejajar dengan dasar semasa kerajaan berkaitan makanan yang selamat, berkualiti dan mampu milik kepada masyarakat tempatan.</p>

SDG YANG BOLEH DICAPAI	SASARAN SDG YANG BOLEH DICAPAI	KETERANGAN
SDG 8 — Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar yang menyokong aktiviti produktif, keusahawanan dan pemerksaan formal termasuk koperasi, RPKP, LPP.	Bukan sahaja petani berskala kecil perlu memastikan hasil sayur-sayuran dan buah-buahan dihasilkan selamat dan berkualiti, malah hasil tanaman tersebut juga perlu dapat dipasarkan kepada masyarakat tempatan. Oleh itu, cadangan APPGM-SDG mengambil pendekatan yang lebih menyeluruh dengan memastikan petani mempunyai saluran pemasaran yang sesuai bagi hasil pertanian mereka.

SDG YANG BOLEH DICAPAI	SASARAN SDG YANG BOLEH DICAPAI	KETERANGAN
<p>SDG 12 — Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab</p>	<p>Sasaran 12.2: Pengurusan sumber semula jadi secara lestari (amalan regeneratif/organik).</p> <p>Sasaran 12.3: Mengurangkan pembaziran makanan dan kehilangan sepanjang rantai bekalan (penyimpanan dan pengumpulan mudah alih).</p>	<p>Petani skala kecil memainkan peranan penting dalam memastikan pengurusan sumber semula jadi yang lestari. Aktiviti penanaman mereka bergantung kepada penggunaan baja dan racun pertanian, di mana jenis dan kandungan bahan yang digunakan memberi kesan kepada kesihatan pengguna, kualiti tanah, air dan udara di kawasan sekitarnya. Oleh itu, cadangan APPGM-SDG mengambil pendekatan yang lebih menyeluruh dengan</p>

SDG YANG BOLEH DICAPAI	SASARAN SDG YANG BOLEH DICAPAI	KETERANGAN
		mempertimbangkan kesan jangka pendek, sederhana dan panjang terhadap alam sekitar.
SDG 13 — Tindakan Iklim	Sasaran 13.1/13.3: Memperkukuh ketahanan dan keupayaan adaptasi sektor pertanian terhadap risiko iklim, serta memperbaiki dasar dan kapasiti institusi.	Petani skala kecil memerlukan pengetahuan yang terkini dan mampan bagi membantu mereka menghadapi cabaran yang semakin serius akibat perubahan dan ketidakstabilan iklim.
SDG 17 — Perkongsian untuk Matlamat	Sasaran 17.6/17.7: Memperkukuh perkongsian pelbagai pihak dan pertukaran pengetahuan antara kerajaan, CSO, sektor swasta dan APPGM-SDG.	Pencapaian matlamat dan sasaran SDG, kerjasama adalah penting bukan sahaja di antara pihak kerajaan dengan petani skala kecil.

SDG YANG BOLEH DICAPAI	SASARAN SDG YANG BOLEH DICAPAI	KETERANGAN
	<p>Sasaran 17.9/17.16: Memperkukuh pembangunan kapasiti dan institusi yang berkesan dan inklusif di semua peringkat, termasuk sokongan pensijilan, penyelarasan pembiayaan dan peranan pegawai daerah.</p>	<p>Untuk menjamin keselamatan dan kelestarian sumber pembekalan makanan di Malaysia, pihak-pihak berkepentingan juga termasuklah ahli parlimen sebagai penggubal dasar, serta pihak NGO and CSO sebagai penggerak kepada komuniti-komuniti di peringkat akar umbi.</p>

PROSES PENYEDIAAN LAPORAN CADANGAN DASAR

APPGM-SDG telah menjalankan pemetaan isu di 143 kawasan Parlimen bagi tempoh 2020-2025. Selaras dengan pendekatan penyetempatan SDG, tema keterjaminan makanan merupakan antara tumpuan utama APPGM-SDG. Sehubungan itu, pelaksanaan gerak kerja ini merangkumi pelbagai inisiatif yang memberi tumpuan kepada isu berkaitan dengan keterjaminan makanan. Antara inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

Pemetaan Isu Berkaitan dengan Keterjaminan Makanan

Daripada 143 kawasan tersebut, sebanyak 92 kawasan telah dikenal pasti mempunyai isu berkaitan sektor pertanian yang dihadapi oleh para petani³ (rujuk jadual 1).

Jadual 1. Senarai kawasan Parlimen 2020 – 2025 yang mempunyai isu berkaitan pertanian

TAHUN	KAWASAN PARLIMEN
2025	<ol style="list-style-type: none">1. Selangor – Hulu Selangor, Sabak Bernam2. Negeri Sembilan – Jempol3. Melaka – Jasin4. Johor - Batu Pahat5. Kelantan – Kota Bharu, Pasir Puteh6. Terengganu – Besut7. Pahang - Maran8. Perak – Gopeng, Teluk Intan9. Kedah – Padang Terap, Kuala Kedah10. Perak - Padang Rengas11. Pulau Pinang – Balik Pulau

³ Laporan pemetaan isu APPGM-SDG 2020-2025

TAHUN	KAWASAN PARLIMEN
	12. Sabah – Semporna, Labuan, Tuaran 13. Sarawak – Lubok Antu, Stampin
2024	1. Selangor – Sungai Besar, Tanjung Karang 2. W. Persekutuan – Bandar Tun Razak 3. Johor – Ledang, Pagoh 4. Terengganu – Hulu Terengganu 5. Pahang – Pekan 6. Kelantan – Ketereh 7. Perlis – Arau 8. Penang – Tasek Gelugor 9. Perak – Bagan Serai, Parit, Pasir Salak 10. Sabah – Kota Marudu 11. Sarawak – Mas Gading, Mukah, Sibuti
2023	1. Selangor – Kuala Langat 2. Kelantan – Rantau Panjang, Tanah Merah 3. Terengganu – Kemaman, Kuala Nerus 4. Pahang – Raub 5. Negeri Sembilan – Jelebu 6. Melaka – Masjid Tanah 7. Johor – Kluang, Mersing, Pontian 8. Perlis – Padang Besar 9. Kedah – Sungai Petani 10. Penang – Kepala Batas 11. Perak – Kuala Kangsar, Tambun, Sungai Siput 12. Sarawak – Julau, Saratok 13. Sabah – Beluran, Ranau
2022	1. Melaka – Tangga Batu 2. Kelantan – Gua Musang

TAHUN	KAWASAN PARLIMEN
	3. Terengganu – Setiu 4. Pahang – Kuantan, Bera 5. Kelantan - Kuala Krai 6. Pahang - Paya Besar 7. Perlis – Kangar 8. Kedah – Jerlun 9. Perak – Parit Buntar 10. Sabah – Tenom, Kalabakan, Keningau, Lahad Datu 11. Sarawak – Serian, Tanjung Manis
2021	1. Selangor – Kuala Selangor 2. W. Persekutuan – Lembah Pantai 3. Johor – Simpang Renggam, Muar 4. Kedah – Baling 5. Penang – Batu Kawan, Permatang Pauh 6. Perak – Ipoh Barat 7. Sabah – Libaran, Tawau, Kota Belud 8. Sarawak – Selangau, Hulu Rajang
2020	1. Kelantan – Jeli 2. Pahang – Bentong 3. Kedah – Pendang 4. Sabah – Papar 5. Sarawak – Batang Sadong
Jumlah	92 Kawasan Parlimen

Perbincangan Meja Bulat bersama Ahli Parlimen dan Wakil Kementerian Berkaitan

Hasil dapatan pemetaan isu ini telah dibincangkan bersama pelbagai pihak berkepentingan seperti Ahli Parlimen, wakil kementerian, pakar bidang, penyelidik serta pertubuhan masyarakat sivil. Perbincangan ini telah berlangsung secara berterusan dari tahun 2024 hingga 2025. Penyertaan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk Ahli Parlimen, wakil kementerian berkaitan dan wakil organisasi sivil, telah menjayakan sesi perbincangan dengan mendalami isu-isu utama berikut.

Perbincangan Kumpulan Berfokus Dasar 2024

APPGM-SDG melalui Jabatan Advokasi Dasar Parlimen (PPAD) telah mengadakan siri pertama Perbincangan Kumpulan Berfokus Dasar Tahun 2024 di Bangunan Parlimen bagi membincangkan isu keterjaminan makanan, khususnya dalam sektor pertanian. Melalui sesi perbincangan tersebut, beberapa isu utama telah dikenal pasti seperti yang disenaraikan di bawah⁴. Isu-isu yang dikenal pasti ini adalah berdasarkan dapatan pemetaan isu di kawasan Parlimen bagi tempoh 2020-2023. Walau bagaimanapun, APPGM-SDG mendapati bahawa isu-isu tersebut masih dihadapi oleh sebahagian komuniti petani berdasarkan dapatan pemetaan isu bagi tempoh 2024-2025.

⁴ Laporan Awal Dasar SDG Peringkat Parlimen APPGM-SDG 2024 Tema Keterjaminan Makanan. 2024. <https://appgm-sdg.com/wp-content/uploads/2024/10/Keterjaminan-Makanan.pdf>

1. Kenaikan kos input berbanding harga keluaran yang tidak berubah

a) Peningkatan Kos Input

Sememangnya, harga baja dan racun adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor antarabangsa dan domestik. Contohnya, kenaikan harga bahan mentah global mempengaruhi peningkatan harga baja yang bergantung kepada sumber seperti gas asli, termasuk bagi pengeluaran nitrogen, potash dan fosfat. Di samping itu, peningkatan harga minyak turut memberi kesan kepada kos pengangkutan dan pengeluaran bahan aktif racun, yang seterusnya menyumbang kepada peningkatan kos pertanian.

“Let’s say kitorang guna baja AB, 1 set nak dekat RM200... 1 bag 5kg je, harga mahal tapi kuantiti sikit. ... Dulu baja single kuda RM185 sekarang ni lebih kurang RM210, 50kg” **Petani, Parlimen Kota Bharu, (Pemetaan Isu Kota Bharu, 2025, APPGM-SDG)**

Kenaikan harga baja memberi kesan yang lebih teruk kepada petani-petani kontan yang lazimnya berskala kecil. Seperti yang diulaskan oleh Pusat Teknologi Makanan dan Baja untuk Wilayah Asia dan Pasifik, petani yang mempunyai tanah yang kurang daripada 1.5 hektar, terutamanya petani-petani kontan, tidak dapat meningkat hasil pengeluaran yang mencukupi untuk menurunkan harga purata kos untuk setiap unit pengeluaran.

Akibatnya, petani-petani berskala kecil akan menghadapi tekanan kos.

Selain itu, sejak pandemik COVID-19 pada tempoh 2020 – 2021, harga baja dan racun semakin meningkat (*International Fertilizer Association 2020, Department of Agriculture Malaysia 2020, FAO 2020, World Bank 2020, Safari et al. 2021*). Namun demikian, lonjakan harga yang paling ketara berlaku susulan konflik Rusia–Ukraine pada tahun 2022, apabila peningkatan kos gas dan tenaga serta sekatan eksport telah mengurangkan bekalan baja dan racun ke negara ini (*World Bank 2022, International Fertilizer Association 2022, FAO 2022, UN Comtrade 2022, Department of Agriculture Malaysia 2022*). Walaupun harga baja dan racun menunjukkan penurunan sepanjang tempoh 2023 hingga 2024, harganya masih kekal pada paras yang tinggi.

“Dalam tahun lepas, kita maklum bahawa harga kelapa sawit meningkat...jadi harga baja pun naik masa itu. Harga racun pun naik. Termasuk lain-lain keperluan lah semua naik. ... Jadi sekarang apa yang diorang merungut adalah, harga barang tidak turun, harga sawit, harga lada sangat menurun. So ia tidak seimbang dengan harga baja, tidak seimbang dengan harga racun, tidak seimbang dengan harga barang-barang makanan, jadi kalau macam tu, petani-petani nanti mungkin menjadi... apa...

*pendapatan mereka di bawah... kemiskinan.” –
**Sesi Dialog bersama Ketua Masyarakat dan
Ketua Kaum Daerah Saratok (KMKK) Saratok,
Sarawak, Parlimen Saratok (Pemetaan Isu
Saratok, 2023, APPGM-SDG)***

Seperti yang dimaklumkan oleh peserta FGD di Saratok, kesan yang berlarutan daripada konflik geopolitik terhadap harga baja dan racun memberi impak secara langsung kepada petani tanaman kontan skala kecil. Kesannya ini didapati lebih serius, terutamanya dalam kalangan petani tanaman kontan berskala kecil.

- b) Cabaran Harga Barangan Import dan Eksport; serta Harga Pasaran Tempatan yang tidak berubah

Salah satu isu yang telah lama dihadapi sektor pertanian di Malaysia ialah persaingan dengan produk import dari negara-negara jiran. Komoditi yang terlibat termasuk sayur-sayuran, buah-buahan tertentu dan produk makanan diproses. Lebih-lebih lagi, analisa daripada *Observatory of Economic Complexity (OEC)* telah menunjukkan bahawa sayuran yang diimport merangkumi 40% daripada jumlah pembekalan sayuran di Malaysia⁵. Petani sering berhadapan dengan

⁵ AJG Simoes and CA Hidalgo, "The Economic Complexity Observatory: An Analytical Tool for Understanding the Dynamics of Economic Development," Workshops at the Twenty-Fifth AAAI Conference on Artificial Intelligence (2011) (Accessed 3 June 2026).

tekanan akibat harga antara hasil tempatan dan produk import.

“Kadang-kadang serentak, dia tanam timun kita tanam timun, harga jadi murah. ... tapi masa keluaran banyak, barang dari Siam pulak masuk. Kenapa dia (FAMA) tak ambil yang tempatan dulu. ... ada masa terpaksa jual RM2 satu plastik (5kg).” **Petani, Parlimen Kota Bharu, (Pemetaan Isu Kota Bharu, 2025, APPGM-SDG)**

Bagi produk bermusim, petani tempatan sering berhadapan dengan isu lebih bekalan daripada pengeluar asing yang memaksa mereka menurunkan harga barangan mereka untuk kekal bersaing dalam pasaran. Keadaan ini diburukkan lagi oleh kos pengeluaran tempatan yang lebih tinggi, sekali gus mengurangkan pendapatan petani skala kecil.

c) Perubahan Iklim

Keadaan cuaca yang semakin tidak menentu semakin menjadi faktor yang menyebabkan kemerosotan hasil tanaman petani-petani kecil. Kajian daripada Omar et. Al (2024) juga membangkitkan kesan perubahan iklim terhadap hasil tanaman sayuran di Keningau, Sabah⁶. Selain

⁶ Sarena Che Omar, Mohd Amirul Rafiq Abu Rahim, Nik Syafiah Anis Nik Sharifulden, and Teoh Ai Ni, Understanding the Landscape of Agrifood Smallholders in Malaysia: Climate Risks, Sustainable Standards, and Gender Gap (Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute, 2024).

itu, tinjauan *Khazanah Research Institute* juga mendapati bahawa 85% daripada seramai 3,300 responden petani kecil tanaman bersetuju bahawa perubahan taburan hujan menjejaskan pengeluaran mereka. Terdapat seramai 75% daripada 3,300 responden tersebut bersetuju bahawa perubahan suhu dan kejadian berkaitan iklim menjejaskan pengeluaran⁷.

Hasil dapatan pemetaan isu APPGM-SDG juga mendapati bahawa ramai petani-petani kecil semakin tertekan dengan cuaca yang tidak menentu.

“Cuaca sekarang teruk. Masa dulu sangat mudah untuk menghasilkan tanaman yang subur, sekarang kami perlu memberi banyak usaha dan tenaga dalam menanam.” **Komuniti pesawah, Parlimen Tambun, (Pemetaan Isu Tambun, 2023, APPGM-SDG)**

Keadaan cuaca yang tidak menentu memberi kesan yang berbeza kepada petani-petani yang berlainan tempat. Seperti yang diulaskan oleh petani-petani di Tambun, cuaca yang buruk telah menghauskan usaha mereka untuk menghasilkan tanaman untuk pasaran. Sementara itu, di Setiu, cuaca yang tidak menentu

⁷<https://semai.khazanah.com.my/crops#crops-challenges>;
<https://semai.khazanah.com.my/crops#crops-perspective>

dengan kejadian banjir yang semakin kerap telah menjadi punca kepada penyakit tanaman yang semakin tidak terkawal.

“Tahun ini agak mencabar. 2 kali kena banjir, tinggal tanah musim penyakit, hasil dapat tak dapat sebab kena penyakit. Penyakit macam-macam jenis. Ulat, krik, apik. krik tu dia naik putih-putih bahagian pucuk.” **Komuniti Petani Telaga Papan, Parlimen Setiu, (Pemetaan Isu Setiu, 2022, APPGM-SDG)**

Selari dengan peningkatan serangan perosak tanaman, kos penanaman juga meningkat. Ini kerana petani kecil terpaksa menggunakan lebih banyak racun perosak untuk membasmi serangga tersebut. Keadaan ini secara langsung meningkatkan risiko hasil sayuran dan buah-buahan mengandungi kadar residu perosak yang tinggi, yang berkemungkinan memudaratkan kesihatan petani dan pengguna, isu yang telah dibincangkan di atas.

2. Kesefahaman dan kerjasama yang lemah antara orang tengah dan petani skala kecil

Golongan orang tengah dalam sektor tanaman kontan adalah merangkumi pengumpul dan peniaga pengantara. Sememangnya, orang tengah berperanan penting dalam pemasaran hasil penanaman, terutamanya petani-petani skala kecil. Terdapat kajian yang menunjukkan margin keuntungan yang

diperoleh kebanyakan orang tengah, termasuk pasar raya multinasional, sangat tipis, menunjukkan isu besar pendapatan petani yang rendah bersifat sistemik dan berpunca daripada kekurangan pelaburan dalam pertanian tanaman makanan. Namun, hasil perbincangan dengan para petani skala kecil menunjukkan bahawa persefahaman antara petani skala kecil dan orang tengah adalah lemah. Ramai petani kecil berpendapat bahawa orang tengah mengambil sebahagian besar margin daripada hasil tanaman petani kerana mempunyai kawalan terhadap akses pasaran secara terus (Humphrey and Schmitz 2004, FAO 2018, Reardon et al. 2009, World Bank 2017).

“Ni saya tambah sikit. Sekarang kerajaan nak turunkan harga kan, bila kita ada hub macam ini, mungkin dari situ dia akan turunkan harga. Sebab orang tengah ambil kesempatan daripada petani. Dia orang jual dengan harga tinggi, tapi ambil dari kami dengan harga yang rendah yang itu sebenarnya isu...Harga sentiasa naik...”
Pekebun, Parlimen Kemaman, (Pemetaan Isu Kemaman, 2023, APPGM-SDG)

Seperti yang dimaklumkan oleh pekebun di Kemaman, sebahagian petani berasa tertindas dengan maklumat harga yang tidak telus yang diberikan oleh peniaga pengantara disebabkan oleh kekurangan kuasa tawar-menawar mereka. Keadaan ini telah memberi tekanan terhadap pendapatan petani. Pada masa yang sama, ramai petani turut

berhadapan dengan dilema, khususnya apabila ketidaktentuan harga pasaran bagi sayur-sayuran dan buah-buahan bermusim. Dalam keadaan tertentu, mereka terpaksa menjual hasil tanaman kepada peniaga pengantara pada harga yang rendah.

Pengalaman dan pendapat petani-petani menunjukkan bahawa persefahaman antara orang tengah dan petani adalah lemah, dan secara langsungnya menyebabkan hubungan yang tegang di antara mereka. Bagi memudahkan hubungan perniagaan di antara mereka, adalah penting jurang persefahaman dan kerjasama antara mereka dirapatkan. Ini bukan sahaja boleh menjamin pendapatan yang berpatutan bagi kedua-dua pihak tersebut. Hubungan kerjasama yang lebih erat juga akan secara langsungnya memastikan makanan hasil tempatan dapat diperolehi dengan lebih mudah oleh masyarakat tempatan, sekaligus melemahkan kebergantungan kepada hasil makanan import.

3. Kesan pendedahan kepada racun perosak yang berlebihan terhadap kesihatan

Kadar residu perosak yang tinggi merupakan salah satu isu yang dibincangkan bersama Ahli Parlimen dan wakil kementerian. Ahli Parlimen membangkitkan kebimbangan bahawa sayuran dan buah-buahan import mengandungi kadar residu perosak yang tinggi, sedangkan hasil tanaman tempatan juga mungkin mengandungi kadar residu berbahaya jika tidak dikawal. Keadaan ini berkemungkinan berlaku apabila

petani tertekan kerana harga racun yang diluluskan oleh Jabatan Pertanian melambung tinggi, sementara racun yang tidak diluluskan atau belum dikaji keselamatannya dijual di pasaran dalam talian pada harga lebih murah.

Walau bagaimanapun, kebimbangan terhadap racun perosak yang digunakan tetap kekal sebagai isu yang lazimnya dikaji dan diselidik oleh pelbagai pihak. Menurut How dan rakan (2013), racun perosak pertanian mengandungi bahan kimia *organophosphate* (OP) yang boleh memudaratkan DNA dalam badan jika terlebih terdedah⁸. Kesan tosiknya termasuk penghambatan aktiviti kolinesterase darah⁹. Kanak-kanak yang tinggal berhampiran dengan kawasan tapak pertanian yang mengguna racun perosak pada jangka masa yang lama ada kemungkinan besar akan bercenderung kepada proliferasi sel yang tidak normal dan meningkatkan kebarangkalian sepanjang hayat untuk mendapat kanser¹⁰. Waras et al. (2024) juga mendapati bahawa petani-petani sayuran dan buah-buahan di Cameron Highland mempunyai aktiviti asetilkolinesterase (AChE) darah (penanda kepada

⁸ How, V., Hashim, Z., Ismail, P., Md Said, S., Omar, D., & Bahri Mohd Tamrin, S. (2013). Biological monitoring of genotoxicity to organophosphate pesticide exposure among rice farmers:

⁹ Ibid.

¹⁰ How, V., Hashim, Z., Ismail, P., Md Said, S., Omar, D., & Bahri Mohd Tamrin, S. (2014). Exploring cancer development in adulthood: Cholinesterase depression and genotoxic effect from chronic exposure to organophosphate pesticides among rural farm children. *Journal of Agromedicine*, 19(1), 35–43.

<https://doi.org/10.1080/1059924X.2013.866917>

kadar pendedahan kepada keracunan) yang lebih rendah berbanding petani organik¹¹.

Akibat kesihatan yang didokumenkan dalam kajian-kajian ini secara langsung berkaitan dengan realiti pekerjaan petani tanaman makanan konvensional: pendedahan berulang dan kumulatif kepada sebatian organofosfat (OP) melalui pencampuran, penyemburan, dan kemasukan semula ke ladang, diperburuk oleh penggunaan peralatan perlindungan diri yang tidak mencukupi. Justeru, pendedahan kronik pada tahap rendah ini menyebabkan kemudaratan biologi yang perlu diberi perhatian daripada peringkat penggubalan dasar hingga ke peringkat komuniti petani di Malaysia.

4. Akses dan pemilikan tanah

Dalam perbincangan bersama dengan Ahli-ahli Parlimen dan wakil Kementerian, perkara mengenai 700 hektar tanah terbiar di Malaysia dibangkitkan. Salah satu isu yang berkait adalah ketiadaan suatu pengkalan data mengenai tanah terbiar tersebut. Akibatnya, petani juga sukar untuk memohon sebarang tanah. Oleh demikian, tanah tanaman petani-petani kecil adalah berselerak dan ada yang menyewa atau menanam atas tanah milik orang lain.

¹¹ Waras et al., "Assessing Pesticide Exposure and Regulatory Challenges in Malaysia: A Review of Population Monitoring, Food Residue, and Environmental Contamination," *Ibnosina Journal of Medicine and Biomedical Sciences* 16, no. 4 (2024): 149–161.

Ini secara langsungnya telah mengurangkan kecekapan dan meningkatkan kos penanaman.

Di samping itu, terdapat petani kecil yang bergantung kepada tanah TOL (*Temporary Occupation License*) untuk penanaman sayur dan buah. Tempoh TOL berbeza mengikut negeri dan syarat lesen, tetapi secara amnya dikeluarkan untuk satu hingga tiga tahun dan boleh diperbaharui. Antara isu yang dibangkitkan semasa perbincangan ialah tempoh kelulusan permohonan tanah yang mengambil tempoh selama 6 bulan hingga 1 tahun, yang dianggap terlalu lama bagi petani kecil. Tempoh menunggu yang panjang menyebabkan mereka tertekan kerana sukar mencari sumber pendapatan sementara menunggu keputusan permohonan. Selain itu, tempoh satu hingga tiga tahun bagi lesen TOL adalah singkat dan tidak menjamin kemampuan penanaman petani kecil. Oleh itu, dengan TOL yang singkat, petani kecil enggan melabur dalam penambahbaikan tanah jangka panjang kerana pemilikan tanah tidak terjamin.

5. Konflik antara hidupan liar dan manusia menggugat hasil pengeluaran petani kecil

Konflik antara manusia dan hidupan liar semakin membimbangkan di negara ini, khususnya dalam sektor pertanian. Antara haiwan liar yang lazim merosakkan tanaman termasuk babi hutan, monyet, kera dan gajah. Kesan konflik ini sering dialami oleh petani tanaman kontan kerana buah-buahan dan

sayur-sayuran merupakan antara sumber makanan utama bagi haiwan liar tersebut.

“tapi masa nanas tu muda lagi dalam 4 bulan lepas tanam tu kera dengan babi memang akan datang serang. Babi bila dia cabut umbut dia sebar penyakit BHR...memang musuh utama nanas MD2, kalau nanas lain tak apa. ... bila pokok nak berputik kera dengan babi akan serang.” **Komuniti Petani, Parlimen Pasir Puteh, (Pemetaan Isu Pasir Puteh, 2025, APPGM-SDG)**

Seperti yang dimaklumkan oleh petani di Pasir Puteh, serangan hidupan liar terhadap tanaman mereka telah menyebabkan kerosakan tanaman yang secara langsung menjejaskan pendapatan. Selain itu, konflik tersebut juga berpotensi meningkat sehingga mengancam keselamatan petani, sekali gus mencetuskan tindak balas yang boleh menjejaskan keseimbangan biodiversiti di kawasan tersebut.

Perbincangan Kumpulan Berfokus Dasar Parlimen 2025

Susulan siri pertama perbincangan tahun 2024, APPGM-SDG sekali lagi menganjurkan siri kedua Perbincangan Kumpulan Berfokus Dasar Tahun 2025. Sesi perbincangan ini dihadiri oleh pelbagai pihak berkepentingan, termasuk Ahli Parlimen, wakil kementerian dan agensi seperti Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Jabatan Pertanian (DOA) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), serta pakar bidang. Perbincangan tersebut memberi

tumpuan khusus kepada aspek kebajikan petani. Objektif utama sesi perbincangan tersebut adalah untuk memastikan produk pertanian yang dihasilkan selamat dan mampu milik untuk semua rakyat. Pada masa yang sama, sebahagian besar perbincangan turut memfokuskan strategi bagi memastikan petani skala kecil memperoleh pulangan pendapatan yang lebih wajar, selari dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0).

Melalui perbincangan siri kedua ini, antara dapatan dan maklum balas yang diterima adalah terdapat pelbagai inisiatif dan insentif yang ditawarkan oleh pihak kerajaan. Para petani berpeluang untuk menikmati perkhidmatan seperti myGAP dan myOrganik yang membantu petani menghasilkan tanaman yang selamat dan berkualiti. Selain itu, pusat pengumpulan ladang dan ladang kontrak turut disediakan bagi menyokong agromakanan dan kelestarian luar bandar. Pihak FAMA turut menawarkan insentif tunai sebanyak RM0.50 per kg untuk petani organik dan RM0.20 per kg untuk petani yang memegang sijil myGAP.

Selain itu, pihak kerajaan seperti FAMA dan PETRA turut menyediakan sokongan tambahan kepada sektor pertanian. Pihak PETRA mengawal pengurusan air melalui kawalan lembangan sungai untuk memastikan bekalan air berterusan untuk aktiviti pertanian. FAMA pula turut berperanan dalam mengawal lambakan hasil pertanian melalui e-pemasaran, bagi mengurangkan pembaziran dalam hasil pertanian. Bantuan dan sokongan yang ditawarkan oleh pihak kerajaan membuktikan usaha komited mereka dalam menyokong dan memperkukuhkan sektor pertanian yang diusahakan oleh

para petani di Malaysia. Perkara ini juga dilaksanakan agar selari dengan sasaran RMK-12 dan RMK-13 yang menekankan kepada penambahbaikan infrastruktur industri agro-makanan dan meningkatkan hasil dan produktiviti pertanian.

DASAR NASIONAL DEMI KETERJAMINAN MAKANAN

Pada masa ini, Malaysia mempunyai rangka dasar keterjaminan makanan yang mampan, antaranya Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0). DAN 2.0 digubal dengan visi untuk membangunkan sektor agromakanan yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi bagi memacu pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan keterjaminan makanan dan nutrisi. Dasar ini dibangunkan berasaskan tiga (3) prinsip utama pembangunan mampan, iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar. Pendekatan ini selari dengan matlamat global seperti yang digariskan dalam Agenda SDG 2030.

DAN 2.0 memberi tumpuan terhadap dua aspek utama, iaitu menjamin keterjaminan bekalan makanan supaya semua rakyat mempunyai akses kepada makanan yang mencukupi dan berkhasiat pada setiap masa, seperti memperkukuh pertumbuhan ekonomi dan sumbangan sektor agromakanan melalui peningkatan pendapatan pengeluaran makanan bagi menjamin kesejahteraan mereka.

DAN 2.0 juga memberikan tumpuan khusus kepada empat (4) subsektor, iaitu padi dan beras, buah-buahan dan sayur-sayuran, ternakan, serta perikanan dan akuakultur, melalui

pelaksanaan 18 strategi dan 58 pelan tindakan. Strategi tersebut memberi fokus kepada aktiviti bernilai tinggi di sepanjang rantai nilai makanan yang berupaya menjana pendapatan lebih tinggi kepada kumpulan sasar serta meningkatkan taraf sosioekonomi petani, penternak, nelayan dan usahawan tani.

Selain itu, penghasilan tanaman berkualiti dan peningkatan pendapatan petani turut disokong melalui inisiatif myGAP dan myOrganik yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian. Semasa sesi perbincangan ini dijalankan, wakil FAMA turut memaklumkan bahawa melalui inisiatif myGAP dan myOrganik, hasil pengeluaran petani dijamin selamat untuk pengguna¹². Inisiatif tersebut bertindak sebagai pendekatan serampang dua mata, kerana ia bukan sekadar menjamin hasil tanaman yang selamat dan bebas daripada penggunaan bahan racun, malah ia turut membantu mengurangkan kos pertanian yang ditanggung oleh petani. Rajah 1 di bawah menunjukkan perbezaan dan kepentingan myGAP dan myOrganik¹³.

¹² Nota rapporteur Perbincangan Kumpulan Berfokus Dasar Ogos 2025. APPGM-SDG

¹³ Media sosial rasmi Jabatan Pertanian Kelantan. 9 Mac 2025. <https://www.instagram.com/p/DVr0OWdjznS/>

Rajah 1. Perbezaan dan kepentingan myGAP dan myOrganik

myGAP & myOrganik

Apa Perbezaan & Kepentingannya?

1. myGAP

(Malaysian Good Agricultural Practices)

Amalan Pertanian Baik (APB)

- Selamat Dimakan
- Kurang Pencemaran
- Jaga Kebajikan Pekerja
- Kawal Racun & Baja

- ✓ Rekod Ladang
- ✓ Racun Berdaftar
- ✓ Pengurusan Sisa
- ✓ Kebersihan & Keselamatan

Guna Racun & Baja Kimia Terkawal

2. myOrganik

Malaysia

Pertanian Organik Sepenuhnya

- Bebas Racun Kimia
- Pelihara Biodiversiti
- Baja Organik
- Kawalan Biologi

- ✓ Tiada Racun Kimia
- ✓ Tiada Baja Kimia
- ✓ Guna Kompos & Baja Organik
- ✓ Tempoh Penukaran

Standard Lebih Ketat

Kelebihan Kepada Petani

Keyakinan Pengguna

Pasaran Premium

Harga Stabil

Imej Profesional

Jom Pohon Pensijilan myGAP & myOrganik!

Sumber: Media sosial rasmi (Instagram) Jabatan Pertanian Kelantan (2025)

Para petani yang mengamalkan kaedah myGAP dan myOrganik bukan sahaja berupaya menghasilkan tanaman yang berkualiti, selamat dan produktif, malah mereka turut

berpeluang membina platform pemasaran yang lebih kukuh. Pemasaran hasil pengeluaran yang lebih stabil sekali gus dapat meningkatkan pulangan jualan yang lebih berpatutan kepada petani.

Matlamat Utama Keterjaminan Makanan dalam Rancangan Malaysia Ke-13

DAN 2.0 mempunyai pelbagai objektif dan strategi yang selaras dengan Rancangan Malaysia ke-13. Dalam RMK-13, kerajaan Malaysia berhasrat memacu pembangunan ekonomi yang berdaya saing yang kuat dan mampan, berteraskan nilai kemanusiaan. Matlamat utama pendekatan ini adalah untuk memupuk budaya penciptaan dan penghasilan produk tempatan. Antara strategi utama di bawah RMK-13 yang berkait rapat dengan agenda keterjaminan makanan adalah seperti berikut:

1. Mempertingkatkan Pengeluaran Makanan

RMK-13 menyenaraikan Program Gelombang Padi, termasuk pengeluaran hasil pertanian secara pintar dan berskala besar melalui inisiatif SMART Sawah Berskala Besar Ala Sekinchan. Program ini menyasarkan peningkatan pengeluaran padi sehingga lima kali setahun. Antara sasaran penting lain termasuk penetapan kadar Sara Diri (SSL) sekitar 80% menjelang tahun 2030. Bagi mencapai sasaran tersebut, RMK-13 telah menetapkan sasaran SSR sekitar 83% bagi buah-buahan dan 79% bagi sayur-sayuran.

Bagi memperkukuh rantaian bekalan makanan, RMK-13 turut menyasarkan pembangunan pusat rantaian nilai makanan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak sebagai strategi pengukuhan sistem bekalan makanan negara.

Strategi RMK-13 juga selaras dengan DAN 2.0 melalui usaha memperluas program agropreneur. Inisiatif ini merangkumi penekanan terhadap transformasi sektor pertanian kepada aktiviti bernilai tambah, pemerksaan usahawan agro (*agropreneurs*), serta peningkatan penyertaan golongan muda. Selaras dengan matlamat tersebut, program ini akan menyokong pembiayaan, latihan kemahiran, penggunaan teknologi moden serta akses pasaran bagi memperkukuh rantaian nilai dan daya saing eksport.

Program ini juga sejajar dengan salah satu daripada lima (5) teras utama DAN 2.0, yang merangkumi pemerksaan pemodenan melalui pertanian pintar, peningkatan aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I), pengukuhan rantaian nilai produk agromakanan bagi pasaran domestik dan antarabangsa, pembangunan bakat dan tenaga kerja mahir, penekanan terhadap amalan pertanian mampan, serta pemudahcaraan

ekosistem perniagaan termasuk aspek guna tanah, kewangan, infrastruktur, pelaburan dan tadbir urus¹⁴.

2. Menjamin Kestabilan Bekalan Makanan dan Memperkukuhkan Rantai Bekalan Makanan

Salah satu strategi RMK-13 adalah mempelbagaikan sumber import sebagai langkah meningkatkan ketahanan bekalan makanan. Objektif utama strategi ini adalah untuk mengurangkan kebergantungan kepada beberapa pembekal utama serta melindungi pasaran domestik daripada kejutan harga atau gangguan bekalan makanan import, khususnya semasa berlakunya ketidakstabilan di negara-negara lain. Di samping itu, kerajaan Malaysia juga akan memperkenalkan skim perlindungan bencana pertanian bagi melindungi pengeluar kecil dan agropreneur daripada kerugian akibat bencana iklim, serangan perosak dan penyakit, serta kejadian ekstrem yang lain.

RMK-13 juga memberi tumpuan kepada usaha menaik taraf infrastruktur dan logistik dalam sektor pertanian. Strategi ini termasuk memperkasa peruncit skala kecil melalui penambahbaikan ketelusan harga barangan dan penguatkuasaan kawalan selia keselamatan makanan.

¹⁴ <https://www.kpkm.gov.my/bm/dasar-agromakanan/dasar-agromakanan-negara-2-0>

Selain itu, strategi RMK-13 turut memberi sokongan kepada pengeluaran domestik serta mengurangkan kebergantungan terhadap barangan import. Pada masa yang sama, strategi ini turut mengembangkan rangkaian pembekal antarabangsa melalui perjanjian perdagangan yang lebih strategik.

CADANGAN STRATEGI DASAR

Bagi memajukan sektor pertanian kontan yang melibatkan petani skala kecil, penyelarasan dasar melalui kerjasama pelbagai pihak berkepentingan seperti Ahli Parlimen, pegawai agensi kerajaan di peringkat negeri dan Persekutuan, serta petani skala kecil – yang terlibat adalah amat penting. Secara khusus, APPGM-SDG mengesyorkan beberapa inisiatif bagi menyokong matlamat, sasaran dan strategi semasa yang telah digariskan dalam DAN 2.0 dan RMK-13. Secara khususnya, APPGM-SDG mencadangkan inisiatif untuk mempergiat amalan penanaman berkualiti dan organik seperti yang sedang dilaksanakan oleh FAMA.

Oleh itu, hala tuju utama yang dicadangkan oleh APPGM-SDG ialah menyediakan sokongan kewangan bagi membantu petani skala kecil yang bergantung kepada penggunaan bahan kimia untuk beralih kepada amalan pertanian yang lebih selamat dan berpatutan. Melalui pendekatan ini, lebih ramai petani skala kecil berpotensi memenuhi piawaian pensijilan myGAP dan myOrganik dalam tempoh dua (2) tahun. Langkah ini dapat memastikan sayur-sayuran dan buah-buahan yang dihasilkan lebih selamat serta mampu milik oleh pengguna. Pada masa yang sama, kebergantungan terhadap produk import dapat dikurangkan, manakala

pendapatan petani skala kecil dapat dipertingkatkan. Perincian strategi adalah seperti berikut:

1. Memperbaharui Program Rakan Pemasar Kontrak Pemasaran (RPKP) dengan menambah insentif kewangan kepada petani yang memperoleh sijil myGAP dan myOrganik. Sememangnya, pensijilan myGAP dan myOrganik dikeluarkan oleh FAMA, manakala penetapan insentif kepada petani melibatkan beberapa agensi berkaitan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Bernas dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Oleh itu, cadangan ini menekankan kepentingan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan di peringkat kerajaan tempatan, negeri dan Persekutuan.
 - a. Harga lantai bagi sayur-sayuran yang digunakan oleh FAMA perlu dikaji semula, terutamanya memandangkan harga pasaran semasa tidak mampu menghentikan peningkatan bilangan petani yang semakin menua.
 - b. Cadangan APPGM-SDG adalah supaya insentif kewangan kepada petani skala kecil ditetapkan sekurang-kurangnya 20% tambahan daripada harga pasaran FAMA bagi sayur-sayuran dan buah-buahan myGAP, serta 50% tambahan bagi produk myOrganik. Pendekatan ini berpotensi menggalakkan lebih ramai petani memperoleh pensijilan myGAP dan myOrganik.

- c. Selain itu, cadangan ini juga bertujuan menyediakan sokongan kewangan kepada petani skala kecil yang mempunyai kekangan sumber kewangan, tenaga kerja dan keluasan tanah bagi mempergiatkan hasil penanaman mereka.
 - d. Adalah penting agar insentif kewangan ini dikaitkan secara langsung dengan hasil pengeluaran petani bagi memastikan kemampuan strategi tersebut. Selain itu, bagi mengelakkan petani terlalu bergantung kepada insentif kewangan ini, had maksimum perlu ditetapkan. Sebagai contoh, jumlah maksimum insentif kewangan boleh ditetapkan pada RM800 sebulan bagi setiap petani skala kecil dan RM5,000 sebulan bagi sekumpulan 5 petani skala kecil.
 - e. Insentif kewangan ini hendaklah dibuka kepada semua petani skala kecil yang mempunyai sijil myGAP dan myOrganik, dan tidak terhad kepada mereka yang mempunyai kontrak dengan FAMA.
- 2. Mempermudah proses pensijilan myGAP dan myOrganik serta mempercepatkan proses yang bersesuaian.
 - 3. Jabatan Pertanian boleh menyediakan latihan awal serta infrastruktur yang diperlukan. Jabatan juga boleh bekerjasama dengan organisasi masyarakat sivil (CSO) atau persatuan pertanian yang

berpengalaman dalam amalan pertanian regeneratif, selamat atau organik bagi menyokong proses bimbingan kepada petani untuk memenuhi piawaian pensijilan.

4. Kerjasama dengan pejabat daerah juga penting bagi mempermudah urusan petani skala kecil mendapatkan lesen sementara penggunaan tanah untuk tujuan penanaman, sekali gus membolehkan mereka memperoleh pensijilan myGAP dan myOrganik.
5. Setelah petani memperoleh pensijilan, FAMA dicadangkan untuk menyediakan sokongan dalam menghubungkan petani skala kecil dengan pasaran tempatan seperti pasar pagi, pasar petang, kedai dan peniaga tempatan yang berpotensi menyerap hasil tanaman mereka yang dijamin selamat dan berkualiti. Jabatan Pertanian juga boleh menyokong petani melalui pengukuhan kemudahan pengumpulan dan penyimpanan bergerak di lebih banyak lokasi. Langkah ini penting supaya petani skala kecil dapat mengurangkan kos bukan sahaja dari segi penggunaan racun dan baja kimia, malah turut menjimatkan kos pengangkutan, buruh, sewa, pembungkusan dan perantara. Sokongan melalui pengantara pasaran berpotensi mengurangkan kos, meningkatkan keuntungan serta menyediakan hasil tanaman kepada masyarakat tempatan pada harga yang lebih mampu dimiliki.

Kerjasama Pihak Berkepentingan dalam Pelaksanaan Cadangan

PERKARA	PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB
Harga insentif: <ul style="list-style-type: none"> • 20% tambahan bagi sijil myGAP • 50% tambahan bagi sijil myOrganik 	Kementerian Ekonomi dan FAMA
Pelesenan Tanah Penggunaan Sementara (TOL) dan tanah pertanian	Pejabat daerah dan kerajaan negeri
Latihan dan penyelarasan	Jabatan pertanian, organisasi masyarakat sivil (CSO), Kementerian Kewangan
Sistem pengairan (pam solar dan rangkaian paip)	Jabatan Perparitan dan Sungai, Jabatan Pertanian, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kemajuan Orang Asli, Pejabat Daerah, Kerajaan negeri dan Kementerian Kewangan
Akses kepada pasaran, contohnya pertanian disokong komuniti, gerai, kantin sekolah, hospital	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, FAMA, pejabat Daerah, sektor swasta, Jabatan Pendidikan, Jabatan Kesihatan, sekolah, dan hospital

PERKARA	PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB
Menguatkuasakan piawaian amalan pertanian selamat	Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri dan Jabatan Pertanian Negeri
Skim kredit karbon untuk pemulihan tanah	Kementerian Ekonomi, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Jabatan Perhutanan

HALATUJU JANGKA MASA PANJANG

Demi memastikan kemampunan keterjaminan makanan di Malaysia, rantaian bekalan makanan perlu terus diperkasa dan diperkukuh. Oleh itu, strategi jangka panjang yang bersifat menyeluruh dan merangkumi dimensi sosial, ekonomi, alam sekitar serta tadbir urus yang berkesan adalah amat penting.

Bagi menjamin petani-petani skala kecil yang berdaftar dengan FAMA mendapat harga pemasaran hasil mereka yang berpatutan, pihak FAMA boleh lebih telus dengan proses penentuan harga lantai bagi hasil tanaman tersebut. Selain itu, FAMA, MARDI dan Jabatan Pertanian harus kaji semula harga lantai tersebut secara berskala dan melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan dalam proses tersebut. Ini akan menjamin persefahaman yang lebih mendalam di kalangan mereka dan menjamin harga lantai adalah berpatutan dan selaras dengan keadaan pasaran,

perubahan iklim, cabaran dan kekangan infrastruktur dan kemudahan asas yang sedia ada di sesuatu kawasan tempatan. Persefahaman tersebut akan menjadi pemangkin kepada keterjaminan penghasilan makanan tempatan yang bermutu dan selamat dan secara langsungnya membolehkan pelaksanaan dasar keterjaminan makanan yang berkesan.

Proses penentuan harga lantai yang telus daripada FAMA juga boleh menggalakkan hubungan yang positif di antara petani skala kecil dan orang tengah. Para petani akan mendapatkan pengetahuan yang lebih mendalam tentang margin pasaran orang tengah. Orang tengah juga akan didorong untuk memastikan harga yang ditawarkan kepada para petani kecil adalah sentiasa berpatutan.

Pensijilan myGAP dan myOrganik, pada asasnya adalah bertujuan untuk menjamin pengeluaran makanan yang selamat, berkhasiat dan lestari. Ini juga adalah untuk mengurangkan kebergantungan para petani skala kecil dengan racun dan baja sintetik yang berkemungkinan besar akan menyebabkan penyakit NCD pada jangka masa panjang. Oleh itu, pihak kerajaan harus mempergiatkan penyelidikan tentang kesan sampingan racun dan baja sintetik yang sedang digunakan oleh para petani. Maklumat terkini hasil penyelidikan juga harus disebar secara meluas kepada para petani dan pihak yang terlibat. Insentif tunai juga harus diberikan kepada petani untuk menggalakkan mereka bertukar kepada myGAP atau myOrganik.

Dari segi sosial, masyarakat memerlukan bekalan makanan yang berkhasiat dan mudah didapati. Akses kepada makanan tempatan yang berkhasiat berkait secara langsung dengan keupayaan petani tempatan menghasilkan tanaman. Keupayaan masyarakat untuk memperoleh bekalan makanan keluaran tempatan juga bergantung secara langsung kepada kos pengeluaran tanaman makanan. Ini termasuk kos pengangkutan, baja, racun serta pemasaran hasil tanaman. Memandangkan petani skala kecil memainkan peranan penting sebagai pembekal makanan negara, mereka perlu diberikan akses yang lebih baik kepada variasi tanaman yang lebih tahan, pengurusan perosak yang lebih berkesan (contohnya pengurusan perosak bersepadu), serta latihan berkaitan penggunaan bahan kimia secara selamat.

Perkara ini juga berkait rapat dengan akses kepada tanah yang sesuai untuk aktiviti pertanian. Oleh itu, pihak berkuasa perlu memastikan tanah pertanian bagi pengeluaran makanan terus dipelihara dan dilindungi. Petani juga perlu mempunyai maklumat yang lebih jelas mengenai Lesen Pendudukan Sementara (TOL) dan hak milik tanah agar mereka memperoleh akses yang lebih baik kepada tanah pertanian. Sokongan dan bantuan daripada pelbagai pihak berkepentingan juga amat penting bagi memastikan sektor tanaman kontan kekal lestari walaupun berdepan peningkatan risiko akibat perubahan iklim.

KESIMPULAN

Bidang Terkesan	Dapatan - Selari dengan Keutamaan Nasional dan SDG
Keterjaminan Makanan	Pertanian lestari dan mata pencarian yang mampan. Sayur-sayuran tempatan yang selamat pada harga yang berpatutan, di samping mewujudkan pasaran khusus bagi sayur-sayuran yang sihat dan selamat untuk komuniti luar bandar dan golongan B40.
Kemiskinan dan Pembangunan Luar Bandar	Peluang pekerjaan, pengekalan belia dalam sektor pertanian, pengurangan jurang antara bandar dan luar bandar, serta pengurangan kadar kemiskinan.
Kesihatan Awam	Pengurangan penyakit tidak berjangkit (NCD) dan kos penjagaan kesihatan.
Pengurusan Tanah dan Tindakan Iklim	Pemulihan tanah terdegradasi, peningkatan penyerapan karbon dan pengurangan pelepasan gas. Mengurangkan aliran larian bahan kimia dan pencemaran kimia.
Ketahanan Ekonomi	Pertumbuhan ekonomi, pengurangan kebergantungan terhadap import dan aliran keluar pertukaran asing.

BIBLIOGRAFI

Department of Statistics Malaysia. 2024. Agriculture Statistics, Malaysia 2023. <https://www.dosm.gov.my> (accessed April 16, 2026)

Department of Agriculture Malaysia. 2023. Agriculture Statistics of Malaysia 2023. Putrajaya: Department of Agriculture Malaysia. <https://www.doa.gov.my/index/resources/akta/file/Agriculture%20Statistics%20Malaysia%202023.pdf> (accessed April 16, 2026).

Food and Agriculture Organization (FAO). 2018. "The State of Agricultural Commodity Markets 2018." Rome: FAO. <https://www.fao.org>.

Food and Agriculture Organization of the United Nations. 2024. "FAOSTAT: Food and Agriculture Data." FAOSTAT. <https://www.fao.org/faostat/en/> (accessed April 16, 2026).

Food and Agriculture Organization (FAO). 2020. "The State of Food Security and Nutrition in the World 2020" and multiple FAO briefs on COVID-19 impacts on food supply chains. Accessed April 16, 2026. <https://www.fao.org>.

Food and Agriculture Organization (FAO). 2022. "The Impact of the War in Ukraine on Global Food Security." Accessed April 16, 2026. <https://www.fao.org>.

Humphrey, J., and H. Schmitz. 2004. "Chain Governance and Upgrading: Taking Stock." IDS Working Paper 2004(120). Institute of Development Studies.

International Fertilizer Association (IFA). 2020–2022. Reports and market commentary on fertilizer supply and price volatility during COVID-19. Accessed April 16, 2026. <https://www.fertilizer.org>.

International Fertilizer Association (IFA). 2022. "Market Bulletin / Policy Briefs on Fertilizer Supply Disruptions Following the Russia–Ukraine Conflict." Accessed April 16, 2026. <https://www.fertilizer.org>.

Department of Agriculture Malaysia (DOA). 2020–2022. Bulletins/reports on COVID-19 impacts to production and supply chains. Accessed April 16, 2026. <https://www.doa.gov.my>.

Waras, Maisarah Nasution, Vivien How, Noorfatimah Yahaya, Mohammad Shahid Shahrin, Nursyahidani Nadia Mohd Hijrah, Zulkhairul Naim bin Sidek Ahmad, Nurul Iffah Amir Shah Ruddin, and Siti Rakiah Abdul Rahaman. "Assessing pesticide exposure and regulatory challenges in Malaysia: A review of population monitoring, food residue, and environmental contamination." *Ibnosina Journal of Medicine and Biomedical Sciences* 16, no. 04 (2024): 149-161.

World Bank. 2022. "Commodity Markets and the Impact of the Russia-Ukraine War." Accessed April 16, 2026. <https://www.worldbank.org/en/research/commodity-markets>.

World Bank. 2020–2022. COVID-19 briefs and commodity market notes (including fertilizer/commodity price impacts). Accessed April 16, 2026. <https://www.worldbank.org/en/research/commodity-markets>.

World Bank. 2017. "Enabling the Business of Agriculture" (sections on marketing, post-harvest losses, and market intermediaries). Washington, DC: World Bank. <https://www.worldbank.org>.

Suhana Safari et al. 2021. "Impacts of COVID-19 on the Malaysian Fresh Tropical Fruits Supply Chain." ETMR, Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI). Accessed April 16, 2026. <https://etmr.mardi.gov.my>.

UN Comtrade / ITC Trade Map analyses (2022 reports). 2022. "Trade disruptions and price effects from the Russia-Ukraine conflict" (country trade statistics to show import dependence). Accessed April 16, 2026. <https://comtrade.un.org>; <https://www.trademap.org>.

Department of Agriculture Malaysia (DOA). 2022. Bulletins / advisories referencing global supply risks after Russia-Ukraine (may appear in DOA/MAFS market

advisories). Accessed April 16, 2026.
<https://www.doa.gov.my>.

Reardon, T., C. P. Timmer, C. B. Barrett, and J. Berdegúe. 2009.
“The Rise of Supermarkets in Africa, Asia and Latin
America.” *American Journal of Agricultural Economics*
91 (5): 1250–1259.

Laporan dasar ini membincangkan isu keterjaminan makanan di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada perhubungan antara peranan petani-petani berskala kecil dalam memastikan bekalan makanan berada pada tahap yang baik dengan kesihatan negara Malaysia. Laporan ini dibangunkan berdasarkan dapatan daripada pemetaan isu di 92 kawasan parlimen telah dikenal pasti menghadapi isu berkaitan pertanian dan keselamatan makanan.

Di Malaysia, sebahagian besar pengeluaran makanan seperti sayur dan buah bergantung kepada petani-petani berskala kecil. Hal ini menjadikan para petani ini sebagai pembekal yang sangat penting terhadap bekalan makanan dan ekonomi negara. Namun begitu, laporan ini mendapati bahawa petani-petani ini berdepan dengan pelbagai cabaran sistemik yang secara langsung menjejaskan kestabilan keterjaminan makanan negara Malaysia.

Bagi mendepani isu-isu ini, laporan ini turut mengusulkan beberapa inisiatif bermula daripada pendekatan sokongan konvensional kepada model pembangunan pertanian yang lebih inklusif dan bersepadu. Selaras dengan aspirasi Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) dan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13), laporan ini turut menyediakan rangka kerja strategik untuk memperkukuh sektor pertanian sebagai asas kepada keterjaminan makanan negara, kesejahteraan rakyat, dan daya tahan ekonomi jangka panjang.



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari



A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8,
46050 Petaling Jaya, Selangor.



secretariat@appgm-sdg.com



<https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

